

Usah sensasikan isu pertemuan DAP, PAP Singapura

KUALA LUMPUR: Tan Sri Muhyiddin Yassin mengingatkan semua pihak tidak cepat buruk sangka atau melenting dengan dakwaan wujud pertemuan sulit antara wakil DAP dan PAP Singapura di republik itu, Ogos lalu.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kemungkinan pertemuan itu hanya membincangkan soal politik dan ekonomi berikutan Setiausaha DAP, Lim Guan Eng mewakili Pulau Pinang selaku Ketua Menteri, manakala PAP adalah parti pemerintah Singapura.

“Mungkin ada perbincangan soal perniagaan, saya tak tahu apa ce-

rita, adakah mereka bincang soal politik (kerana) mereka pun orang politik.

“Jadi jangan kita mudah melenting dan buruk sangka, mungkin ada tujuan tertentu untuk kebaikan bersama... tetapi kalau ada perkara tertentu (dakwaan membincangkan rahsia negara) siapa yang tahu, kalau bincang soal tertentu saya tak tahu apakah hak kita untuk menuntut mereka memberitahu butiran perbincangan,” katanya pada sidang media selepas menyampaikan ucap tama program seminar bersama dan sukan bagi pemimpin sektor awam Malaysia dan

Singapura di Intan di sini, semalam.

Kelmarin, Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (PERKASA) mendesak Ahli Lembaga Pengarah MAS, Datuk Mohamed Azman Yahya supaya menjelaskan isu yang mendakwa beliau mempunyai maklumat mengenai pertemuan sulit DAP dan PAP.

Ketua Penerangan PERKASA, Ruslan Kassim dalam kenyataan media dilaporkan berkata rakyat ingin tahu adakah pertemuan itu membabitkan perbincangan isu berkaitan dengan rahsia negara.

Timbalan Perdana Menteri ber-

kata, adalah perkara biasa jika ada pertemuan atas kapasiti mewakili kerajaan termasuk kerajaan negeri dengan pemimpin parti pemerintah sesebuah negara.

“Itu biasa dilakukan... saya juga akan ke Singapura untuk berjumpa Perdana Menteri, menteri... mereka daripada parti PAP dan saya daripada kerajaan Barisan Nasional... perbincangan biasa dua hala mencakupi aspek kedua-dua negara.

“Saya tidak fikir kita perlu mensensasikan isu ini tetapi kalau mereka bincang soal lain, Wallahu-alam saya tak tahu cerita,” katanya.